



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
FEBRUARI 2026**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian bertumbuh 3.1 peratus
pada Februari 2026, dengan sektor Pembuatan mengukuh
sebanyak 4.2 peratus**

PUTRAJAYA, 9 APRIL 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian bertumbuh 3.1 peratus tahun ke tahun pada Februari 2026, dengan sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 4.2 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia Februari 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kekal positif pada Februari 2026, mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus tahun ke tahun (Januari 2026: 5.9%). Peningkatan tersebut terutamanya dipacu oleh sektor Pembuatan yang bertumbuh 4.2 peratus (Januari 2026: 7.3%) dan kenaikan 4.6 peratus dalam output Elektrik (Januari 2026: 6.2%). Walau bagaimanapun, pengeluaran sektor Perlombongan merosot 2.0 peratus berbanding pertumbuhan marginal positif 0.1 peratus yang direkodkan pada Januari 2026. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP merosot kepada 9.2 peratus berbanding positif 0.6 peratus.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Output sektor Pembuatan didorong oleh pertumbuhan positif yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport, meningkat sebanyak 5.0 peratus selepas mencatatkan 7.8 peratus pada Januari 2026. Prestasi ini terutamanya didorong oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal kepada 15.7 peratus (Januari 2026: 17.2%); dan diikuti peningkatan 3.5 peratus dalam Pembuatan kelengkapan elektrik (Januari 2026: 6.1%). Momentum pertumbuhan ini turut digambarkan dalam prestasi eksport barangan perkilangan negara yang bertumbuh 7.1 peratus pada Februari 2026

(Januari 2026: 11.9%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun 8.1 peratus daripada negatif 0.7 peratus pada Januari 2026.

Pada masa sama, pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan domestik kekal kukuh sebanyak 2.7 peratus selepas mencatatkan 6.4 peratus pada Januari 2026. Pembuatan produk prosesan makanan merupakan penyumbang signifikan yang merekodkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus (Januari 2026: 8.9%); dan diikuti oleh pertumbuhan 3.6 peratus dalam Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (Januari 2026: 8.5%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik merosot 8.1 peratus (Januari 2026: 2.4%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Kemerosotan 2.0 peratus dalam sektor Perlombongan pada Februari 2026 disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat iaitu 4.3 peratus (Januari 2026: 3.8%). Tambahan pula, output Gas Asli merekodkan penurunan kecil sebanyak 0.4 peratus (Januari 2026: -2.1%). Selain itu, indeks Perlombongan merosot dengan ketara sebanyak 14.3 peratus selepas mencatatkan peningkatan 2.1 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 4.6 peratus tahun ke tahun pada Februari 2026 (Januari 2026: 6.2%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik menurun 8.0 peratus (Januari 2026: 0.1%).”


Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat pada kadar sederhana termasuk Amerika Syarikat (1.4%), Japan (0.3%), Vietnam (1.0%), Taiwan (17.8%), dan diikuti oleh pertumbuhan negatif bagi Singapura (-0.05%), Korea Selatan (-2.2%) dan Thailand (-0.04%). Sebaliknya, China (6.3%) mengalami peningkatan pada bulan ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Februari 2025 - Februari 2026**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Februari 2025 - Februari 2026**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Januari 2026 dan Februari 2026**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Februari 2025 - Februari 2026



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Januari 2026 dan Februari 2026



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Januari 2026 dan Februari 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 APRIL 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA FEBRUARY 2026

The Industrial Production Index grew 3.1 per cent in February 2026, with the Manufacturing sector strengthening by 4.2 per cent

PUTRAJAYA, APRIL 9, 2026 – The Industrial Production Index grew by 3.1 per cent year-on-year in February 2026, with the Manufacturing sector strengthening by 4.2 per cent. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, February 2026**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Industrial Production Index (IPI) remained positive in February 2026, registering a year-on-year growth of 3.1 per cent (January 2026: 5.9%). The increase was primarily driven by the Manufacturing sector which grew by 4.2 per cent (January 2026: 7.3%) and a 4.6 per cent increase in Electricity output (January 2026: 6.2%). However, the Mining sector output turned downward by 2.0 per cent, contrasting marginal positive growth of 0.1 per cent recorded in January 2026. Compared to the previous month, the IPI sluggish to 9.2 per cent as against positive 0.6 per cent."

The Chief Statistician further commented, "The output in the Manufacturing sector was induced by the remain positive growth in export-oriented industries, which rise by 5.0 per cent after registering 7.8 per cent in January 2026. This performance driven primarily by a double-digit growth in the Manufacture of computer, electronics and optical products to 15.7 per cent (January 2026: 17.2%) and followed by 3.5 per cent increase in the Manufacture of electrical equipment (January 2026: 6.1%). The growth momentum is also reflected in the country's manufactured goods export performance, which grew by 7.1 per cent in February 2026 (January 2026: 11.9%). On a month-on-month basis, export-oriented industries decreased by 8.1 per cent from negative 0.7 per cent in January 2026.

In the meantime, the growth of domestic-oriented industries output remained sound at 2.7 per cent after registering 6.4 per cent in January 2026. The Manufacture of food processing products contributed significantly, increased by 8.4 per cent (January 2026: 8.9%); and followed by 3.6 per cent growth in the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (January 2026: 8.5%). Compared to the previous month, the domestic-oriented industries declined by 8.1 per cent (January 2026: 2.4%).”

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The deterioration of 2.0 per cent in the Mining sector in February 2026 was due to a decline in Crude Oil & Condensate production by 4.3 per cent (January 2026: 3.8%). Futhermore, Natural Gas output recorded a slight decrease of 0.4 per cent (January 2026: -2.1%). Likewise, the Mining index plummeted by 14.3 per cent following a 2.1 per cent rise in the preceding month. Meanwhile, the generation of Electricity grew by 4.6 per cent year-on-year in February 2026 (January 2026: 6.2%). On a month-on-month basis, the Electricity index decreased by 8.0 per cent (January 2026: 0.1%).”


On a global scale, the IPI for several countries increased at a slower rate, including United States (1.4%), Japan (0.3%), Vietnam (1.0%), Taiwan (17.8%) and followed by the negative growth for Singapore (-0.05%), South Korea (-2.2%) and Thailand (-0.04%). Conversely, China (6.3%) experienced an increased during this month.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
February 2025 – February 2026**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
February 2025 – February 2026**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, January 2026 and February 2026







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, February 2025 – February 2026



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
January 2026 and February 2026**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
January 2026 and February 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 APRIL 2026**